



**PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

**TEKS UCAPAN**

**YB DR. ZALIHA MUSTAFA  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN  
DEWAN KAMPUNG PATAU-PATAU 1**

**11 OGOS 2024**

**DEWAN KOMUNITI  
KAMPUNG PATAU-PATAU 1, LABUAN**

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

## **SALUTASI AKAN DISEDIAKAN**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya, kita semua dapat bersama menjayakan Majlis Perasmian Dewan Komuniti Kampung Patau Patau 1 yang akan memberi manfaat kepada warga Kampung Patau Patau 1 dan penduduk sekitarnya.
2. Saya juga difahamkan, pada hari ini kita turut akan mengadakan sesi penyerahan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) PERKESO bersama penjaja-penjaja di Labuan.

## **MANFAAT DEWAN KOMUNITI KEPADA PENDUDUK KAMPUNG PAATU PATAU 1**

Para hadirin sekalian,

3. Seperti kita semua sedia maklum, Balai Raya Kampung Patau Patau 1 yang sedia ada telah uzur dan usang serta tidak lagi selamat untuk digunakan. Saya dimaklumkan bahawa balai raya tersebut juga didirikan di atas tapak kampung air dan berusia lebih 40 tahun, memerlukan kos penyelenggaraan yang sangat tinggi untuk dibaiki.
4. Sehubungan itu, setelah meneliti kepentingan pembinaan Dewan Komuniti kepada kampung ini, pihak Kerajaan telah meluluskan peruntukan di bawah Rolling Plan ke-4 Rancangan Malaysia ke-12 bagi pembinaan sebuah Dewan Komuniti di Kampung Patau Patau 1 ini yang saya pasti akan berfungsi sebagai nadi yang akan menyatukan penduduk dan memberikan platform untuk tindakan kolektif dalam meningkatkan kehidupan bermasyarakat di Kampung Patau Patau 1 ini.
5. Sebanyak RM 1.9 juta telah diperuntukkan oleh pihak Kerajaan bagi membina dewan dengan keluasan 340 meter persegi ini. Manakala, tempoh kerja pembinaan dewan ini telah dilaksanakan bermula Februari 2023 dan kini Alhamdulillah, pelaksanaan projek ini telahpun siap sepenuhnya pada 9 Julai 2024 yang lalu.

6. Saya difahamkan bahawa bangunan dewan ini dilengkapi dengan kemudahan ruang terbuka yang boleh memuatkan 100 hingga 150 orang, bilik mesyuarat, bilik pejabat, bilik utiliti, surat dan 3 unit tandas. Kemudahan utiliti seperti bekalan air dan elektrik juga telah disediakan.
7. Saya percaya, dengan adanya dewan ini ikatan di antara masyarakat Kampung Patau-Patau akan terus diperkukuh sekaligus akan menyokong pelbagai aspek dalam kehidupan berk komuniti melalui pelaksanaan program-program yang akan memberi manfaat kepada penduduk setempat.
8. Untuk makluman para hadirin sekalian, pembinaan dewan ini juga antara lain adalah bertujuan untuk menyediakan satu kemudahan pusat komuniti yang baharu bagi pentadbiran Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) yang kondusif dan lebih mudah dikawal selia.
9. Saya berharap agar dewan ini akan menjadi tempat yang memberi manfaat kepada kesejahteraan semua penduduk kampung. Kepada semua penduduk di Kampung Patau Patau 1, sama-samalah kita memanfaatkan Dewan Komuniti ini sebaik mungkin, dengan menjadikannya sebagai pusat aktiviti yang memberi impak positif kepada kehidupan kita.

## **PERBADANAN LABUAN TAJA SKSPS PERKESO KEPADA 900 ORANG PENJAJA DAN PENIAGA KECIL**

Para hadirin sekalian,

10. Pada hari ini juga, saya difahamkan bahawa Jabatan Wilayah Persekutuan telah bersetuju untuk memanjangkan kerjasama strategik bersama pihak PERKESO yang telah terjalin sebelum ini di Kuala Lumpur, kini dibawa pula ke Labuan melalui penajaan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) kepada penjaja yang telah dikenal pasti oleh Perbadanan Labuan.
11. Untuk makluman para hadirin sekalian, sebelum ini, saya telah minta Perbadanan Labuan untuk melihat potensi kerjasama bersama-sama PERKESO untuk diimplementasikan caruman SKSPS ini kepada penjaja di Labuan. Secara asasnya, caruman penuh SKSPS adalah berjumlah RM 232.80 sebulan. 90% daripada caruman tersebut atau RM 209.50 akan ditanggung oleh Kerajaan melalui Geran Padanan Caruman yang telah diumumkan pada Belanjawan 2024 yang lalu, dan 10% daripadanya, atau RM 23.30 perlu ditanggung oleh pencarum sendiri.
12. Justeru, Perbadanan Labuan telah bersetuju untuk menaja 10% daripada caruman tersebut pada tahun pertama melalui inisiatif Lindung @ PUJI yang akan memberi manfaat kepada semua penjaja dan peniaga kecil di Labuan, termasuk penjaja dan peniaga kecil yang terlibat dalam program Lestari Niaga.

13. Daripada 900 orang penjaja dan peniaga kecil yang dikenal pasti, seramai 637 orang telah berjaya disenarai pendek dan layak dipertimbangkan untuk tajaan SKSPS ini berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan iaitu mempunyai lesen yang aktif, tiada tunggakan sewa dan tiada perlindungan aktif PERKESO.
14. Walau bagaimanapun, saya telah minta Perbadanan Labuan untuk memberi ruang masa kepada para penjaja dan peniaga kecil yang tersenarai untuk memenuhi kriteria-kriteria tersebut sehingga bulan November 2024 bagi membolehkan mereka turut mendapat manfaat dari bantuan ini.
15. Bagi memastikan perlindungan sosial ini diteruskan oleh penjaja, ada kemungkinan untuk kita teliti bagi menjadikan caruman ini sebagai salah satu syarat wajib untuk memohon dan memperbaharui lesen perniagaan mereka pada masa akan datang.

## PENUTUP

Para hadirin sekalian,

16. Saya yakin, apa sahaja usaha, dasar serta penyelesaian yang dirancang oleh Kerajaan untuk manfaat rakyat perlu dilaksanakan melalui penglibatan bersama oleh semua pihak melalui pendekatan *whole-of-nation* seperti kerjasama strategik di antara JWP, PL dan PERKESO pada hari ini. Kita perlu untuk pecahkan ruyung dengan memecahkan sifat *territorial* dan *silo* antara semua pihak agar impak kepada usaha-usaha tersebut dapat mencapai tahap yang semaksima mungkin, demi kepentingan rakyat.
17. Kepada penerima-penerima penajaan caruman ini, saya berharap agar tuan-tuan dan puan-puan semua dapat memberikan komitmen untuk meneruskan caruman bagi tahun-tahun seterusnya dalam skim perlindungan sosial yang telah dirangka khas oleh Kerajaan ini agar ianya dapat membantu tuan-tuan dan puan-puan serta keluarga ketika saat memerlukan.
18. Kepada penduduk di Kampung Patau Patau 1 pula, saya berharap agar dewan komuniti ini digunakan sebaiknya untuk tujuan kemaslahatan komuniti Kampung Patau Patau 1.

19. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Dewan Komuniti Kampung Patau Patau 1 dan menyempurnakan Majlis Penyerahan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) bersama Penjaja di Labuan.

Untuk itu sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.